

Tapak Pengkomposan Komuniti di Kampung Sinsian

Inisiatif UMS dengan kerjasama komuniti Kundasang akhirnya membawa kelegaan kepada penduduk sekitar

Oleh Vivi Oliviana Najurus
UB 05.11.2021 P. 04

RANAU: Selepas penantian selama puluhan tahun, penduduk di sekitar kawasan ini akhirnya menarik nafas lega selepas Tapak Pengkomposan Komuniti ditempatkan di Kampung Sinsian berhampiran pekan Kundasang di sini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II Datuk Jonathan Yasin berkata, penyediaan tapak pengkomposan itu adalah inisiatif Universiti Malaysia Sabah (UMS)

dengan kejasama komuniti Kundasang.

"Saya menyeru penduduk Kundasang agar memanfaatkan sepenuhnya kemudahan itu sebagai landasan untuk meningkatkan hasil pertanian berdasarkan sayuran segar tanah tinggi dengan mendapat baja yang terbaik hasil dari pengkomposan itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan perasmian Tapak Pengkomposan itu di sini.

Jonathan yang juga Ahli

Parlimen Ranau berkata, dengan adanya kemudahan itu warga petani kawasan Kundasang dapat mengurangkan pemcemaran alam sekitar yang disebabkan oleh pembuangan sisa sayuran yang berlonggok setiap masa.

Katanya, longgokan itu boleh mengundang kehadiran haiwan seperti tikus dan serangga lain termasuklah lalat yang berpotensi mengundang penyakit berjangkit berikutan keadaan persekitaran yang kotor akibat

pembuangan pelbagai sisa sayuran.

Beliau juga memuji UMS kerana mempunyai inisiatif untuk memperkembangkan teknologinya kepada rakyat khususnya bagi golongan petani.

"Usaha seumpama ini selaras dengan matlamat pembangunan lestari yang menyasarkan pengurangan impak persekitaran yang selamat, berdaya tahan, memfokuskan kepada inti pati yang digariskan berhubung pengurusan sisa

buangan yang lestari," katanya.

Turut hadir, Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin; Pegawai Daerah Ranau Syahrin Samair dan Pengerusi Persatuan Pengusaha Sayuran Bumi-putera Kundasang Mariana Taliban.

RASMI: Jonathan menandatangani perasmian lokasi tapak Pengkomposan Komuniti Kundasang.

